



BOT yang ditahan APMM di perairan Perak.

4 kru Myanmar ditahan

Kerja atas dua bot nelayan tempatan tanpa dokumen sah

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
am@hmetro.com.my

Lumut

Empat kru warga Myanmar tanpa dokumen yang bekerja di atas dua bot nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak di perairan Kuala Trong dan Pantai Remis di sini.

Dua bot itu ditahan di kedudukan 7.0 batu nautika barat daya Sungai Belukang dan 7.5 batu nautika Pulau Pasir Hitam pada Ahad dan kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, empat kru warga asing berusia antara 40 hingga 55 ditahan selepas didapati tidak mempunyai dokumen pengenalan.

"Pemeriksaan bot pertama pada jam 9.40 pagi Sabtu lalu

mendapati bot itu dikendalikan tiga kru warga Myanmar tanpa dokumen pengenalan diri sedang melakukan aktiviti perikanan di bawah lapan batu nautika yang tidak mematuhi kebenaran syarat sah lesen.

"Sementara itu, sebuah lagi bot pukut tunda tempatan ditahan di perairan Pantai Remis juga melakukan aktiviti penangkapan ikan yang mana tekong bot warga Myanmar tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Beliau berkata, empat warga asing itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (b) dan Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, bot bersama empat kru warga asing dan kira-kira 130 kilogram hasil tangkapan pelbagai jenis ikan itu diiring ke jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Sitiawan untuk tindakan lanjut.